



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***INTERPRETASI NILAI MURNI BERDASARKAN PERIBAHASA
MELAYU DALAM NOVEL-NOVEL PILIHAN***

HASLINDAR NOR BINTI ISMAIL

FBMK 2019 5



**INTERPRETASI NILAI MURNI BERDASARKAN PERIBAHASA
MELAYU DALAM NOVEL-NOVEL PILIHAN**

Oleh

HASLINDAR NOR BINTI ISMAIL

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti
Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera**

Januari 2019

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali yang dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia

Hak cipta @ Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera

INTERPRETASI NILAI MURNI BERDASARKAN PERIBAHASA MELAYU DALAM NOVEL-NOVEL PILIHAN

Oleh

HASLINDAR NOR BINTI ISMAIL

Januari 2019

Pengerusi : Profesor Madya Zaitul Azma bt Zainon Hamzah, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Peribahasa Melayu mengandungi pelbagai teladan yang tinggi nilainya. Justeru, kajian ini dijalankan supaya masyarakat sedar betapa pentingnya nilai-nilai murni yang perlu diamalkan dan diterapkan dalam kehidupan seharian terutamanya dalam kalangan generasi hari ini. Dalam kajian ini, pengkaji menggariskan tiga objektif, iaitu pertama mengenal pasti nilai murni yang terkandung dalam peribahasa yang terdapat dalam novel-novel pilihan. Kedua, menginterpretasi nilai murni yang terdapat dalam peribahasa dengan menggunakan teori Relevans. Ketiga, merumus kesesuaian penggunaan peribahasa dalam nilai murni dalam kalangan murid sekolah. Kajian ini akan menggunakan pendekatan pragmatik, dan mengaplikasikan Teori Relevans yang dikemukakan oleh Sperber dan Wilson (1986) dan diperkemas pada tahun (1995). Metodologi kajian ini ialah menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis teks. Data kajian dikumpulkan dengan menggunakan lima buah novel KOMSAS tingkatan satu sehingga lima yang dikaji di Zon Tengah iaitu Kuala Lumpur, Selangor dan Negeri Sembilan. Kelima-lima novel ialah *Destinasi Impian* (2015), *Meniti Impian* (2016), *Tawanan Komander Caucasus* (2016), *Leftenan Adnan Wira Bangsa* (2014) dan *Tirani* (2015). Sebanyak 46 peribahasa Melayu diperolehi daripada pembacaan teliti terhadap kelima-lima buah novel. Penggunaan peribahasa yang terdapat dalam novel mengandungi 16 nilai murni berdasarkan FPK adalah tidak konsisten dan tidak sama rata. Melalui kajian, didapati novel-novel pilihan berjaya menerapkan 10 nilai murni daripada 16 nilai murni yang terdapat dalam FPK. Nilai berhemah tinggi dan keberanian paling banyak diserlahkan dalam peribahasa dan yang paling sedikit ialah nilai kerjasasma dan kebersihan fizikal dan mental. Nilai yang tidak diserlahkan dalam peribahasa ialah nilai semangat bermasyarakat, kesederhanaan, keadilan, rasional dan hormat menghormati. Walaupun tidak seimbang penerapan nilainya, namun peribahasa yang terkandung dalam novel KOMSAS menggarap pelbagai nilai murni yang boleh dipraktikkan dalam kehidupan seharian murid, terutama semasa mereka bergaul dengan masyarakat sekeliling.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Arts

**INTERPRETATION OF NOBLE VALUE BASED ON MALAY PROVERBS
IN SELECTED NOVELS**

By

HASLINDAR NOR BINTI ISMAIL

January 2019

Chairman : Associate Profesor Zaitul Azma bt Zainon Hamzah, PhD
Faculty : Modern Language and Comunication

Malay proverbs contain a variety of exemplary values. Therefore, this study was conducted so that the people are aware of the importance of noble values that must be practiced and applied in everyday life especially among today's generation. In this study, researchers outlined three objectives, the first one were to identify the noble values contained in the proverb found in selected novels. Secondly, interpreting the noble values found in the proverbs by using Relevance theory. Third, to formulate the suitability of the use of proverbs with the noble values that are desired in the proverbs based on National Philosophy of Education. This study used a pragmatic approach, and applied the Relevance Theory introduced by Sperber and Wilson (1986) and has been streamlined in the year (1995). This study uses the method of textual analysis and library research. The data were collected using five literature component novels for form one to form five students in the Central Zone of Kuala Lumpur, Selangor and Negeri Sembilan. The five novels are Destinasi Impian (2015), Meniti Impian (2016), Tawanan Komander Caucasus (2016), Leftenan Adnan Wira Bangsa (2014) and Tirani (2015). A total of 46 Malay proverbs has been derived from the reading of the five novels. The use of the proverbs contained in the novel has 16 noble values based on National Philosophy of Education are inconsistent and unequal. Through reading, there are 46 Malay proverbs have been identified in all 5 novels. All the proverbs in the novel contain 16 moral values however, they are not balance and consistently used. The research has proven that all novels successfully instil 10 moral values out of 16 values consist in FPK. Courtesy and bravery are mostly portrayed in the proverbs compared to cooperation and physical and mental cleanliness which are less used. The values that are not highlighted are community spirit, modesty, fairness, rationality and respect. Even though the instillation of values is not stable, nonetheless the proverbs used in KOMSAS able to demonstrate the values that can be practice in students' daily life, especially when they mingle and socialize with the society.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Allah S.W.T, kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, saya dapat menyiapkan tesis yang berjudul “Interpretasi Nilai Murni dalam Peribahasa Melayu daripada Novel-Novel Pilihan” telah dapat disiapkan.

Pertama kali saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Profesor Madya Dr. Zaitul Azma binti Hamzah selaku pengerusi jawatankuasa penyeliaan dan Dr. Kamariah binti Kamarudin selaku ahli jawatankuasa saya yang sentiasa memberi bimbingan dan tunjuk ajar tanpa jemu bagi merealisasikan matlamat saya untuk menyiapkan kajian ini dengan cemerlang. Ucapan penghargaan tidak terhingga kepada suami Halim bin Peno yang sentiasa mendorong dan memahami liku perjalanan dalam menyiapkan kajian ini dengan jayanya. Pasti kepada tiga cahaya mata, Hazim bin Halim, Hazmi bin Halim dan Hanim Nor binti Halim yang sentiasa menjadi pembakar semangat kepada saya untuk mengharungi cabaran dan dugaan dalam menyiapkan tesis ini. Tidak lupa kepada adik-beradik dan sahabat-sahabat saya yang sentiasa memberi sokongan dan dorongan.

Akhir kata, terima kasih tidak terhingga kepada semua pihak yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung dalam menjayakan kajian saya. Semoga segala kebaikan yang dicurahkan mendapat ganjaran daripada Allah S.W.T.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sastera. Ahli-ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Zaitul Azma binti Zainon Hamzah, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Kamariah binti Kamarudin, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan tesisi ini, untk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di intitusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesisi ini dितernitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran, atau metarial lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data daalam tesisi ini, dan intergriti imiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semaan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbis dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____

Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik : Haslindar Nor binti Ismail (GS46819)

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa : Profesor Madya
Penyeliaan : Zaitul Azma binti Zainon Hamzah

Tandatangan : _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan : Dr. Kamariah binti Kamarudin

JADUAL KANDUNGAN

	Muka surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vi
SENARAI JADUL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI CARTA PAI	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
BAB	
1 PENDAHULUAN	1
Latar Belakang Kajian	1
Takrifan Peribahasa	8
Pendekatan Pragmatik	10
Pernyataan Masalah	11
Objektif Kajian	13
Kepentingan Kajian	14
Batasan Kajian	15
Definisi Operasional	16
2 SOROTAN LITERATUR	18
Pengenalan	18
Kajian Peribahasa Melayu	18
Kajian Novel	22
Kajian nilai murni dalam novel	26
Kajian Nilai Murni dalam Pengajaran Bahasa Melayu	30
Kajian Teori Relevans	32
3 ETODOLOGI KAJIAN	38
Reka bentuk kajian	38
Konsep dan kerangka teori	38
Kerangka Konseptual	42
Kaedah kajian	43
Bahan Kajian	43
Rasional pemilihan bahan kajian	43
Prosedur kajian	44
Penganalisan Data	44
4 DAPATAN DAN PERBINCANGAN	45
Persembahan Dapatan	45
Objektif 1: Mengenal pasti peribahasa Melayu yang memancarkan nilai murni dalam novel-novel KOMSAS terpilih	45

Objektif 2: Menginterpretasi nilai murni dalam peribahasa menggunakan teori Relevans	51
Objektif 3: Merumus kesesuaian penggunaan peribahasa dalam memupuk nilai murni dalam kalangan murid sekolah	60
5 RUMUSAN DAN CADANGAN	67
Rumusan	67
Cadangan Kajian Selanjutnya	67
Penutup	68
BIBLIOGRAFI	69
LAMPIRAN	73
BIODATA PELAJAR	79



SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
1 Jumlah keseluruhan peribahasa berdasarkan 16 nilai murni dan novel	61
2 Jumlah peratus nilai murni berdasarkan peribahasa yang terdapat dalam novel	63



SENARAI RAJAH

Rajah		Muka surat
1	Bentuk-bentuk Bahasa Kiasan Mengikut Abdullah Hassan & Ainon Mohd (2004)	10
2	Unsur perbezaan dari segi penggunaan perkataan dan istilah tetapi membawa makna rujukan yang sama	18
3	Tema Perpaduan dalam Peribahasa Melayu Berdasarkan Buku Teks Bahasa Malaysia Tingkatan 4 dan 5	21



SENARAI CARTA PAI

Carta Pai	Muka surat
1 Jumlah peribahasa berdasarkan novel	62
2 Peratus nilai murni	63



SENARAI SINGKATAN

ASASI	Angkatan Sasterawan Nasional Kedah
DI	Destinasi Impian
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
Hlmn	Muka surat
HSKU	Hadiah Sastera Utusan
INTAN	Intitut Tabdiran Awam Malaysia
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Mengengah
KHWB	Kapten Hassan Wira Bangsa
KKMM	Kementerian Komunikasi dan Multimedia
KOMSAS	Komponen Sastera
LAWB	Leftenan Adnan Wira Bangsa
MI	Meniti Impian
MPKMU	Model Pola Kombinasi Maksim Umum
SES	Status Ekonomi dan Sosial
SPB4K	Teori Sistem Bersepadu 4K
TKC	Tawanan Komander Caucasus
TR	Tirani

BAB I

PENDAHULUAN

Latar Belakang Kajian

Pada tahun 2000 Komponen Sastera (KOMSAS) telah diperkenalkan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Pengajaran dan pembelajaran KOMSAS telah dijalankan secara berperingkat dari tingkatan satu sehingga tingkatan tiga, dan tingkatan empat ke tingkatan lima secara serentak. KOMSAS dalam Bahasa Melayu merangkumi karya sastera yang berbentuk drama, cerpen, sajak, cerita klasik, novel dan puisi tradisional iaitu pantun, syair, gurindam, dan seloka. Strategi pengajaran dan pembelajaran KOMSAS Bahasa Melayu menekankan penggabungan dan kesepaduan kecekapan berbahasa dan penerapan isi pelajaran. Dalam pengajaran dan pembelajaran kecekapan bahasa, isi pelajaran dicadangkan menggunakan ciri-ciri sosiobudaya bagi tujuan komunikasi antara satu sama lain menjadi lebih berkesan. Hal ini akan melahirkan perasaan dan fikiran tentang hal-hal persendirian, pengetahuan dan hal kemasyarakatan dalam konteks sosial. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003).

Unsur-unsur budaya yang perlu dipupuk dan disemai mestilah berpusatkan nilai dan kepercayaan positif seterusnya sesuai dengan rakyat Malaysia yang mempunyai pelbagai bangsa dan agama. Hal ini bertepatan dengan satu daripada objektif mata pelajaran Bahasa Melayu iaitu dalam pembelajaran KOMSAS menekankan betapa pentingnya memupuk dan menghayati nilai murni yang terdapat dalam kalangan masyarakat Malaysia. Hal ini demikian kerana, masyarakat Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum, agama, tradisi dan budaya yang selaras dengan nilai moral sejagat

Nilai-nilai murni yang diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran menyumbang kepada pembentukan personaliti murid yang mempunyai nilai-nilai diri yang positif. Guru mata pelajaran digalakkan untuk menggabungkan nilai-nilai murni dalam pengajaran dan pembelajaran secara langsung dan tidak langsung mengikut situasi (Sharifah Nur Putih, 2008). Maka, dalam pengajaran dan pembelajaran, penerapan nilai murni berlaku secara bersahaja dan tidak langsung kerana nilai tidak boleh diajar secara formal seperti mata pelajaran lain. Hal ini demikian kerana, nilai murni merupakan satu penghayatan dan pengusahaan secara beramal dan praktikal, bukannya sekadar pengingatan atau penghafalan.

Pengajaran dan pembelajaran peribahasa memang sudah termaktub dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu tingkatan satu sehingga tingkatan lima kerana peribahasa Melayu menjadi elemen penting dalam pengisian kurikulum sekolah menengah. Mengkaji teks novel juga dijadikan bahan yang wajib dipelajari dalam aspek pembacaan dan pemahaman pelajar menengah. Dalam pengkajian novel tersebut, terdapat peribahasa yang digarap oleh pengarang dalam sesebuah novel. Hal ini

demikian kerana, peribahasa diselitkan dalam sesebuah novel untuk menyampaikan sesuatu mesej dengan lebih berkesan dan mencantikan lagi bahasa yang digunakan oleh penulis. Za'ba (1965) menjelaskan bahawa tujuan dan penggunaan peribahasa adalah untuk menjadikan peribahasa sebagai pedoman dalam kehidupan seharian kerana segala yang ingin disampaikan dalam peribahasa adalah luas dan benar. Selain itu, Za'ba juga berpendapat, tujuan dan penggunaan peribahasa sebagai perhiasan semasa kita bercakap, mengukuhkan lagi karangan dan komunikasi antara satu sama lain. Maka jelas, maksud tersirat yang terkandung dalam peribahasa, terkandung nilai murni yang boleh dipraktikkan dan dijadikan pedoman dalam kehidupan seharian murid. Namun, masalah sering timbul apabila murid mempelajari peribahasa tetapi tidak memahami maksud tersirat peribahasa lantas kurang memahami dan menghayati nilai murni yang terkandung dalam sesuatu peribahasa.

Peribahasa Melayu telah tercipta berdasarkan penelitian, pemerhatian dan pengalaman hidup turut memancarkan nilai dan hati budi orang Melayu. Masyarakat Melayu tidak biasa berterus terang tentang kebaikan dan keburukan seseorang tetapi menyalurkan dalam bentuk bahasa yang indah dan halus iaitu melalui peribahasa. Seandainya terlalu berterus terang sikap sombong, riak dan takbur akan terserlah lebih-lebih lagi seseorang itu menggunakan kata-kata kesat dan kasar tanpa beralas. Nik Safiah Karim (2007) mengatakan bahawa sewaktu kita berinteraksi dengan orang, kita harus menjaga tutur kata supaya air mukanya tidak terjejas. Apabila kita menjaga maruah seseorang melalui tutur kata, maka akan menyerlahkan keluhuran dan ketinggian budaya sesebuah masyarakat. Hal ini disokong oleh Amira Razlan (2013), mengatakan bahawa peribahasa digunakan sebagai salah satu cara sesebuah masyarakat dalam kebanyakan budaya menyampaikan dan meluahkan teguran, pesanan, pendidikan, menyatakan perasaan dan sindiran halus kepada seseorang yang hendak disindir dan juga ditegur. Asmah Haji Omar (2015) juga menegaskan dalam sesuatu peribahasa, terpancar alam fizikal dan budaya Melayu serta minda mereka dan semuanya terangkum dalam bahasa yang ringkas, padat, dan indah.

Pujian juga digunakan dalam peribahasa supaya bait perkataan sedap didengar dan menyenangkan hati yang mendengarnya. Bait kata yang berirama dalam peribahasa menjadikan peribahasa indah untuk didengar walaupun dalam bentuk pujian atau sindiran. Orang Melayu zaman dahulu tidak tahu menggunakan bahasa yang kasar atau kesat apabila ingin menampelak atau menyindir kegiatan atau aktiviti yang kurang sopan, malah mereka juga tidak mahu memuji seseorang secara terang-terangan. Oleh sebab itu, mereka kaya dengan nilai-nilai berbahasa yang menarik (Mohd Riffin Mat Jali, 2002). Setiap patah perkataan yang digunakan dalam peribahasa terkandung maksud tersurat dan tersirat. Maka jelaslah, nilai murni yang terkandung dalam sesuatu peribahasa perlulah diinterpretasi dan diperhalusi seterusnya diterapkan dalam kalangan murid hari ini. Hal ini demikian kerana, dengan penerapan dan pemupukan nilai-nilai murni ini akan dapat melahirkan murid berakhlak mulia dan seterusnya mempunyai jati diri yang utuh dan kukuh. Dalam sesebuah masyarakat menjadi satu kepentingan dalam menerapkan nilai-nilai murni bagi melahirkan suasana yang bertolak ansur, aman damai, berkerjasama dan akhirnya mewujudkan suasana yang harmonis dari segi rohani dan jasmani. Usaha

penerapan nilai murni ini perlulah dilakukan di peringkat awal, iaitu semasa individu itu berada pada alam persekolahan lagi. Hal ini disokong oleh Abd. Rahim Abd. Rashid (1993) yang berpendapat bahawa, hala tuju pendidikan perlulah merangkumi cara-cara membina kemoralan dan memupuk nilai-nilai yang positif kepada generasi muda hari ini. Kesimpulannya, pendidikan dan nilai murni tidak mungkin dapat dipisahkan. Usaha pemupukan nilai murni melalui pendidikan di sekolah amatlah penting supaya murid yang unggul, berdaya maju dan tetap memiliki identiti yang relevan dengan nilai-nilai dan budaya bangsanya sendiri dapat dilahirkan. Nilai murni ini dapat direalisasikan melalui kurikulum dan mestilah selaras dengan FPK. Dalam FPK terkandung 16 nilai murni. Nilai-nilai ini didokong oleh semua agama dan bersifat sarwajagat. Kesemua 16 nilai-nilai tersebut ialah baik hati, berdikari, berhemah tinggi, hormat menghormati, kasih sayang, keadilan, kebebasan di sisi undang-undang, keberanian, kejujuran, kerajinan, kerjasama, kebersihan fizikal dan mental, kesederhanaan, kesyukuran, rasional, dan semangat bermasyarakat.

Nilai baik hati bermaksud perkara yang boleh mendatangkan manfaat dan faedah yang dapat memuaskan hati seseorang. Hati pula bermaksud perasaan belas kasihan yang halus hadir dalam jiwa seseorang. Nilai baik hati ini sukar dilihat tetapi dapat interpretasi melalui pertuturan dan perlakuan terhadap orang lain dan masyarakat yang berada di sekelilingnya (Jumali Selamat, 2001). Seterusnya seseorang yang jujur dan ikhlas akan selalu mengambil berat terhadap hati dan perasaan serta kebajikan orang lain. Selain itu, sikap ini meliputi rasa bertimbang rasa iaitu mengambil kira keperluan dan perasaan orang lain. Di samping itu, sikap ini meliputi sikap seseorang yang suka menghulurkan bantuan dan saling memahami iaitu sanggup menerima dan memberi pendapat merupakan salah satu ciri nilai baik hati.

Pada pendapat M.Z. Azmie (2001), pemurah dapat digambarkan dengan seseorang mengutamakan kebajikan orang lain, masyarakat sekelilingnya, sentiasa bersedia untuk berkongsi sumber dan pengetahuan. Akhir sekali, sikap baik hati ini merangkumi sikap saling bermaafan iaitu sanggup meminta maaf dan memaafkan orang lain. Allah juga berfirman dalam surah Ali Imran, ayat 134: Mereka yang menahan marah dan memaafkan sesama manusia, Allah akan kasih (membantu) pada orang yang berbuat baik.

Nilai berdikari bermaksud berdiri di atas kaki sendiri dalam segala urusan tanpa mengharapkan pertolongan atau bantuan orang lain. Menurut Zaitul Azma Zainol Hamzah dan Ahmad Fuad Hassan (2011), berdikari bermaksud individu yang berkebolehan dan sanggup melaksanakan sesuatu perkara dengan tidak bergantung kepada sesiapa pun. Dengan erti lain, berdikari membawa maksud seseorang yang bertanggungjawab, yakin, sanggup mencuba dan berupaya bertindak sendiri iaitu sanggup dan boleh melakukan sesuatu tanpa memohon bantuan orang lain. Tenas Effendy (2006), menyatakan bahawa sikap percaya pada kemampuan diri sendiri merupakan faktor daripada kemampuan seseorang untuk tegak kukuh berdiri di atas kakinya sendiri dan tidak bergantung harapan kepada bantuan orang lain. Sikap sedemikian menggambarkan kesanggupan melakukan sesuatu dengan penuh

semangat dan berusaha gigih dengan kemampuan dan kekuatan yang ada pada dirinya untuk mencapai sesuatu matlamat dan tujuan (Jumali Selamat 2001).

Nilai berhemah tinggi boleh ditakrifkan sebagai seseorang yang mempunyai budi pekerti luhur yang dapat diserlahkan melalui pertuturan, perlakuan dan tindakan yang memperlihatkan kesopanan dan kesusilaan. Berhemah tinggi ini meliputi sikap seseorang yang mempunyai tatasusila yang tinggi iaitu beradab, berbudi bahasa dan berbudi pekerti dalam pergaulan seharian. Tenas Effendy (2006), berpendapat bahawa menghormati orang lain, tahu diri dan ikhlas dalam perbuatan merupakan cerminan seseorang itu yang rendah hati dan mengakui kesilapan sendiri. Seterusnya, berhemah tinggi ini meliputi sikap ramah mesra iaitu sedia bergaul mesra dengan semua orang. Hal ini disokong melalui firman Allah dalam surah Al Baqarah dalam ayat 224: Hendaklah kamu banyak-banyak berbuat baik, berbuat takwa dan damai di antara sesama (manusia). Menurut Tenas Effendy (2006) lagi, seseorang haruslah bersangka baik dan bersikap positif dengan sesiapa sahaja. Hal ini demikian kerana dengan keikhlasan seseorang dan sentiasa berlapang dada, seseorang itu akan sentiasa berusaha untuk membantu dan menyenangkan orang yang berada disekelilingnya.

Nilai hormat menghormati merujuk kepada memberikan layanan yang sewajarnya seperti memberi layanan dengan sopan dan sentiasa memuliakan seseorang. Hal ini meliputi hormat dan taat kepada ibu bapa dan penjaga, hormat kepada ahli keluarga, hormat kepada orang yang lebih tua, guru, rakan, jiran dan pemimpin, hormat kepada kepercayaan dan adat resam pelbagai kaum, patuh kepada undang-undang, hormat kepada hak asasi, dan hormat kepada keperibadian individu. Menurut Zaitul Azma Zainol Hamzah dan Ahmad Fuad Hassan (2011), antara sifat hormat yang mesti diamalkan oleh setiap individu dalam hidupnya ialah hormat kepada agama, kepercayaan, adat resam pelbagai kaum, hukum alam dan Pencipta-Nya. Tambah mereka lagi, hormat menghormati perbezaan setiap individu dari segi pendapat, gaya hidup dan tindakannya selagi tidak menyalahi peraturan dan undang-undang. Sifat menghormati ini menggambarkan perasaan aman damai, bertimbang rasa, ikhlas dan mempamerkan rasa hormat terhadap orang lain.

Nilai kasih sayang ialah gambaran emosi seseorang terhadap sesuatu yang dapat dikaitkan dengan suasana, sikap dan harapan terhadap seseorang atau sesuatu yang lain. Nilai kasih sayang adalah perasaan halus dan belas kasihan yang lahir daripada hati yang jujur terhadap orang sekelilingnya dan berusaha untuk membantu meringankan bebanan atau tekanan yang dihadapi oleh orang lain. Perasaan kasih sayang ini lahir dari hati yang rela terhadap sesuatu, tanpa sebarang unsur kepentingan diri sendiri dan paksaan. Hal ini merangkumi sayang kepada alam sekitar demi kesejahteraan hidup, menyayangi diri sendiri serta orang lain yang ada di sekelilingnya, sayang akan negara atau cinta akan negara dan sayang akan keamanan dan keharmonian. Perasaan kasih sayang dan rasa cinta antara satu sama lain akan lahir daripada pergaulan dengan setiap orang dengan cara yang baik dan benar, muka yang manis dan tingkah laku yang lemah lembut (Aboebakar Atjeh, 1988). Kita hendaklah berkasih sayang dengan ahli keluarga dan kaum kerabat.

Selain itu, kita juga mestilah berkasih sayang dengan bersahabat dan bermasyarakat sekeliling kita. Maka, setiap ahli masyarakat hendaklah kasih mengasihi, hormat menghormati, saling menghargai dan tolong menolong dengan perasaan ikhlas. (Tenas Effendy, 2006)

Nilai keadilan dapat mengelakkan seseorang dizalimi. Keadilan dalam memberi hukuman supaya tidak berat sebelah dan tidak terpesong daripada kebenaran dalam segala keadaan dan urusan. Adil bermakna menggunakan nikmat dengan betul, saksama dan seimbang (M.Z. Azmi, 2001). Keadilan juga merujuk kepada perlakuan, pertuturan dan keputusan yang saksama serta tidak berat sebelah. Hal ini meliputi adil dalam membuat pertimbangan dan keputusan secara positif, menyeluruh dan bersesuaian. Keadilan juga ada dinyatakan dalam surah Al Maidah, ayat 8 iaitu: Hai orang-orang yang beriman. Hendaklah kamu menjadi manusia yang selalu menegakkan (kebenaran) kerana Allah, jadilah saksi-saksi yang adil, dan janganlah sampai berlaku tidak adil, disebabkan kebencianmu terhadap suatu golongan, berlakulah seadil-adilnya, itulah yang lebih dekat kepada sifat taqwa, dari itu bertaqwalah kepada Allah, Allah maha mengetahui tentang apa-apa yang engkau kerjakan. Menurut Jumali Selamat (2001), setiap ahli masyarakat mestilah diberi layanan yang adil dan saksama tanpa mengira agama, bangsa, asal-usul dan perbezaan warna kulit. Dalam hal ini, keadilan dan kebenaran adalah perkara utama dalam mempertahankan maruah serta mengangkat martabat sesuatu bangsa.

Nilai kebebasan di sisi undang-undang bermaksud seseorang itu mestilah tertakluk kepada peraturan dan undang-undang yang ditentukan oleh agama, masyarakat dan negara. Seseorang itu boleh melakukan apa-apa sahaja tetapi tidak melanggar batasan peraturan dan undang-undang yang tersurat dalam keluarga, sekolah, komuniti, masyarakat, negara dan agama. Kebebasan undang-undang memberi hak kepada setiap individu bebas bertindak dan bercakap tetapi tidak melampaui batas peraturan dan undang-undang negara. Justeru, kebebasan tidak bermakna 'kebebasan mutlak' tetapi tertakluk kepada batasan peraturan dan undang-undang yang ditentukan oleh sesebuah masyarakat, komuniti dan negara. Hal ini disokong oleh Abd Rahim Abd Rashid (1993), mengatakan bahawa kebebasan di sisi undang-undang ialah seseorang itu boleh melakukan sesuatu dengan bebas asalkan tidak melanggar batas-batas peraturan dan undang-undang yang ditentukan oleh keluarga, komuniti, masyarakat, negara, dan agama.

Nilai keberanian adalah kesanggupan seseorang itu yakin dan tabah untuk menghadapi cabaran dan dugaan dalam kehidupannya. Berani meliputi keberanian mencuba sesuatu perkara yang baharu dan berani mencuba untuk manfaat diri sendiri dan orang lain dengan mengambil kira risiko cabaran yang akan dihadapinya. Selain itu, keberanian ialah seseorang yang mempertahankan sesuatu yang dipercayai kebenarannya dengan menunjukkan bukti yang kukuh. Keberanian memerlukan kepintaran dan kebolehan memanipulasi keadaan, kerana berani tanpa usul periksa akan mengakibatkan kehancuran dan kemusnahan kepada seseorang (Jumali Selamat, 2001). Sifat keberanian dipandang tinggi dan dihormati adalah berani

kerana benar, berani pada yang hak, berani menegakkan keadilan dan berani di jalan Allah.

Nilai kebersihan fizikal dan mental merupakan asas pembentukan akhlak, moral dan keperibadian yang mulia. Nilai ini melibatkan kesediaan seseorang untuk menerima segala unsur positif dan nilai murni yang boleh membawa kesejahteraan kepada dirinya sendiri dan orang lain (Jumali Selamat, 2001). Kebersihan fizikal dan mental ialah kebersihan diri dan kebersihan persekitaran yang meliputi percakapan, tingkah laku dan cara berfikir. Kebersihan diri ialah kebersihan anggota badan yang mesti dijaga oleh setiap individu untuk kehidupan yang lebih baik dan sempurna. Kebersihan persekitaran adalah memelihara alam sekeliling agar bebas daripada kekotoran dan pencemaran. Kebersihan mental pula adalah pertuturan dan perlakuan yang terpuji dan perlu diamalkan oleh seseorang dalam hubungannya dengan orang lain dan masyarakat sekelilingnya. Menurut Nilai dan Etika dalam Perkhidmatan Awam INTAN, 1991, bersih bermaksud nilai yang melambangkan sifat suci daripada kekotoran rohani dan jasmani dalam kehidupan dan juga bersih daripada sifat dengki. Selain itu juga, bersih merangkumi keadaan pakaian, persekitaran kerja dan pemilikan harta seseorang individu itu.

Nilai kejujuran merupakan sikap dan kelakuan yang memaparkan niat baik, amanah dan ikhlas tanpa mengharapkan sebarang balasan daripada mana-mana pihak. Menurut Tenas Effendy (2006), dengan sifat ikhlas dan rela berkorban akan membuahkan hubungan persaudaraan yang kekal sejati. Kejujuran ini meliputi sifat amanah dalam melakukan sesuatu tugas yang dipertanggungjawabkan dan dapat menimbulkan kepercayaan dan keyakinan orang lain. Seseorang itu bercakap benar iaitu tidak menokok tambah atau berselindung daripada sesuatu perkara. Selain itu, seseorang yang ikhlas melakukan sesuatu tanpa mengharapkan balasan atau ganjaran daripada pihak lain. Pada pendapat Jumali Selamat (2001), kejujuran meliputi perasaan manusia yang dilaksanakan atas dasar kesedaran dan bertanggungjawab supaya kehidupan menjadi aman dan bahagia. Oleh itu, melalui sifat jujur dalam perbuatan akan menjamin kesejahteraan manusia kerana kejujuran merangkumi seluruh aspek kehidupan seperti soal pentadbiran, pengurusan, agama, penjagaan keluarga, menghormati jiran tetangga dan kelompok masyarakat keseluruhannya.

Nilai kerajinan menggambarkan usaha bersungguh-sungguh, bersemangat dalam melakukan sesuatu pekerjaan, berusaha dengan penuh bersemangat dan berterusan. Pekerjaan tidak semata-mata demi kepentingan peribadi, tetapi juga bersangkutan paut dengan kepentingan masyarakat, bermanfaat bagi keluarga, kaum kerabat, bangsa dan negara. (Tenas Effendy, 2006). Selain itu, kerajinan merujuk kepada seseorang sentiasa cekal, gigih, tekun, berdaya usaha dan berdedikasi dalam melakukan sesuatu perkara. Daya usaha ini meliputi berusaha dengan kesungguhan yang tinggi secara kreatif dan inovatif bagi menghasilkan sesuatu yang bermutu tinggi. Kerajinan juga merujuk kepada seseorang yang berminat dan rela mengorbankan masa dan tenaga untuk perkara yang berfaedah. Kerajinan adalah usaha berterusan yang dilakukan dengan penuh semangat untuk mencapai kejayaan dan kecemerlangan.

Nilai kerjasama merupakan usaha yang memberi faedah kepada semua pihak dan dilaksanakan secara bersama-sama pada peringkat individu, komuniti, masyarakat atau negara untuk mencapai sesuatu tujuan seperti persaudaraan, tanggungjawab bersama, bergotong royong, bertoleransi dan perpaduan. Menurut Zaitul Azma Zainol Hamzah dan Ahmad Fuad Hassan (2011), bermuafakat dalam mencapai keputusan yang hendak dibuat serta mempunyai semangat kerjasama dan semangat berpasukan bagi mencapai kata sepakat. Selain itu juga, menganggap kerja sebagai satu ibadah dan menghargai kemudahan yang disediakan.

Nilai kesederhanaan merujuk perlakuan yang tidak keterlaluan dalam membuat tindakan dan pertimbangan. Tindakan ini mengambil kira dari segi cara berfikir, cara bercakap atau tingkah laku seseorang supaya selaras dengan budaya dan nilai yang ada dalam sesuatu kelompok masyarakat. Hal ini termasuklah bercakap dan tingkah laku yang bersederhana iaitu bercakap dan berkelakuan yang tidak melampaui batas serta menyinggung perasaan orang lain atau menimbulkan kemarahan orang lain. Tenas Effendy (2006) mengatakan bahawa, anggota masyarakat mestilah hidup dengan keadaan bersederhana sesuai dengan kemampuan masing-masing dan menjauhi gaya hidup yang terlalu berlebih-lebihan yang dapat menimbulkan kecemburuan sosial. Kesederhanaan dalam menimbangkan kepentingan diri dan orang lain iaitu membuat pertimbangan yang sewajarnya supaya memuaskan diri sendiri dan orang lain. Kesederhanaan merupakan sifat yang berlawanan dengan sifat boros dan membazir. Sifat sederhana boleh dilihat dan diterjemahkan sama ada melalui cara berpakaian, berkomunikasi, berinteraksi, tingkah laku atau pertuturan. Oleh itu, Jumali Selamat (2001) telah menyimpulkan bahawa, kesederhanaan merupakan tindakan yang tidak keterlaluan dalam pertuturan, perlakuan dan membuat pertimbangan atau tindakan untuk kepentingan orang lain yang disesuaikan dengan kehidupan masyarakat Malaysia.

Nilai kesyukuran bermakna seseorang itu dengan rasa senang hati menerima sesuatu pemberian, sumbangan dan khidmat bakti. Selain itu juga nilai kesyukuran ini merujuk kepada perasaan dan perlakuan yang dilahirkan secara ikhlas terhadap sumbangan, khidmat bakti, kesenangan dan nikmat yang diperolehi. Apabila seseorang mensyukuri nikmat yang diperolehi, maka dia akan terhindar daripada sifat tamak haloba, dijauhi daripada sifat serakah dan kufur nikmat, serta terhindar daripada pelbagai keburukan yang lain (Tenas Effendy, 2006). Zainal Madon & Mohd Sharani Ahmad (2004) berpendapat bahawa mensyukuri apa-apa yang dimiliki ialah seseorang yang tidak akan berkeluh kesah mengenai apa-apa yang tidak dimilikinya. Firman Allah S.W.T. artinya: Hai orang-orang yang beriman, makanlah apa-apa yang baik yang telah Kami rezezikikan kepadamu, dan bersyukurlah kepada Allah jika kamu benar-benar menyembah kepada-Nya (Surah Al Baqarah, ayat 172). Ayat ini bermaksud, seseorang yang beriman kepada Allah akan bersyukur dengan apa-apa yang direzekikan kepadanya. Bersyukur juga merujuk kepada seseorang menghargai setiap nikmat dan kesenangan yang diterima. Selain itu, perasaan yang dilahirkan bagi membuktikan pengiktirafan serta penghargaan kepada jasa yang dicurahkan dan sumbangan yang diberikan. Perasaan dan perlakuan yang dilahirkan seperti mengenang budi, memberi penghargaan dan berterima kasih.

Nilai rasional adalah sikap seseorang yang boleh melakukan pertimbangan dan tindakan yang sesuai dengan kepentingan orang sekelilingnya. Kebolehan seseorang dalam memikirkan sesuatu berdasarkan alasan yang munasabah dan bukti yang kukuh serta dapat mengambil tindakan yang wajar tanpa dipengaruhi oleh perasaan cemburu, khianat dan dendam (Jumali Selamat, 2001). Rasional juga merujuk kepada seseorang yang dapat berfikir berdasarkan alasan dan bukti seterusnya dapat mengambil tindakan yang sepatutnya, tanpa dipengaruhi perasaan yang tidak stabil. Seseorang boleh membuat pertimbangan, membuat penaaakuan, berfikiran logik dan terbuka. Tenas Effendy (2006) berpendapat bahawa seseorang yang mempunyai sikap berterus terang dengan orang lain mencerminkan seseorang yang mempunyai sikap keterbukaan, jujur dalam perbuatan, sentiasa mempunyai niat yang baik, sentiasa berbaik sangka dengan orang lain, bertanggungjawab dan ikhlas dalam melakukan sesuatu pekerjaan. Seseorang yang bijak membuat pertimbangan berupaya mengambil kira baik buruknya sesuatu perkara sebelum membuat keputusan.

Nilai semangat bermasyarakat adalah kesediaan seseorang untuk melakukan sesuatu yang bermanfaat dengan semangat kekitaan untuk kepentingan bersama dan mewujudkan keamanan serta keharmonian hidup bermasyarakat (PPK, 1998). Nilai semangat bermasyarakat ini juga meliputi kesediaan seseorang melaksanakan sesuatu pekerjaan untuk mewujudkan suasana harmoni dalam kalangan masyarakat demi manfaat bersama. Semangat bermasyarakat mementingkan persetujuan bersama dan kerjasama dalam sesuatu pekerjaan demi kepentingan bersama. Selain itu juga, semangat bermasyarakat ialah seseorang yang peka terhadap isu-isu sosial dalam masyarakat dan sedia berusaha menyelesaikannya. Dalam surah Ali Imran, ayat 109: Ajaklah mereka bermusyawarah di dalam urusan mereka. Selain itu, dalam surah Asy Syura ayat 38: Dan urusan kaum muslimin selalu diputuskan dengan bermusyawarah antara mereka. Tanpa bermusyawarah akan menyebabkan perkerjaan yang dirancang akan mengalami kesulitan untuk dilaksanakan dan dengan bermuafakat, tunjuk ajar dapat dikembangkan bersama secara tidak langsung idea dapat disalurkan.

Takrifan Peribahasa


Apabila manusia mula mengenal peradaban, maka bermulalah terciptanya peribahasa. Semakin tinggi peradaban bangsa itu semakin banyaklah peribahasanya. Peribahasa dikatakan telah wujud dalam kalangan masyarakat Melayu sejak zaman berzaman lagi. Hal ini disokong oleh Abdullah Hussain (2010), iaitu peribahasa mula-mula digunakan apabila bangsa manusia, mulai mengenal peradaban, perlu mengaturkan hidup ketika organisasi, mewujudkan batas antara baik dan buruk, untuk menjadi pendinding tata tertib pergaulan dan perhubungan hidup sesama manusia. Beliau juga berpendapat bahawa, bahasa sesuatu bangsa sama tuanya dengan peribahasa yang dilahirkan dalam kalangan bangsa itu sendiri. Bagi menentukan tarikh munculnya peribahasa Melayu adalah agak sukar kerana peribahasa lahir daripada rakyat melalui pengalaman hidup, pemerhatian terhadap alam sekeliling, komunikasi seharian dengan anggota masyarakat, hasil ungkapan dari golongan yang arif hasil dari pemerhatian mereka, dan daripada golongan alim

ulamak. Peribahasa itu berasal daripada tiga sumber. Sumber pertama ialah rakyat jelata yang mencipta peribahasa melalui pengalaman hidupnya, sumber kedua ialah orang-orang arif bijaksana, dan sumber ketiga ialah kitab suci (Abdullah Hussain, 2010). Menurut Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan (2011), peribahasa merupakan gabungan dua patah perkataan, iaitu peri dan bahasa. Peri bermaksud peristiwa, kejadian, hal, sifat, keadaan dan cara. Bahasa pula ialah satu sistem lambang bunyi yang digunakan oleh manusia untuk melahirkan perasaan, buah fikiran dan menyampaikan konsep bagi mewakili idea, benda, keadaan dan tindakan dalam satu percakapan supaya mampu difahami oleh penerima, pendengar atau masyarakat bahasanya. Kesimpulannya, Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Hassan memberi maksud peribahasa ialah percakapan yang padat dan ringkas serta sentiasa disebut-sebut oleh masyarakat penuturnya sejak sekian lama kerana sedap didengari dan bijak pemilihan perkataannya, luas, dan juga benar tujuannya.

Menurut Sapinah Haji Said (2004), peribahasa mengandungi makna atau pengertian yang tertentu dan merupakan ayat atau sekumpulan kata yang tersusun. Pendek susunan katanya tetapi menepati makna yang ingin disampaikan. Peribahasa terdiri daripada pepatah, bidalan, perbilang, perumpamaan, dan simpulan bahasa. Kini kata-kata hikmat pujangga dan ilmuwan yang telah lama digunakan dalam masyarakat turut dianggap sebagai peribahasa. Namun bagi Abdullah Hassan & Aion Mohd (2004), pula berpendapat peribahasa terletak di bawah payung bahasa kiasan. Bahasa kiasan bermaksud ungkapan yang maknanya yang tidak boleh diketahui daripada makna perkataan itu sendiri atau daripada susunan tatabahasanya. Berdasarkan contoh di bawah, makna perkataan yang dihitamkan tidak dapat diketahui daripada makna perkataan itu ataupun daripada kedudukannya dalam ayat. Perkataan-perkataan itu adalah ungkapan kiasan.

i) Dia pergi **menimba** ilmu di Korea.

Makna perkataan yang dihitamkan dalam contoh ayat (i) tidaklah sama dengan makna perkataan tersebut seperti yang terdapat di dalam kamus. Perkataan **menimba** dalam contoh (i) bermakna “mencari” atau “belajar”. Dalam budaya Melayu, timba digunakan untuk mengambil air perigi. Oleh itu, terdapat persamaan dengan perbuatan mengambil ilmu daripada suatu sumber tertentu. Dengan kata lain, makna perkataan itu dikiaskan menurut konteks budaya bahasa Melayu. Menurut Abdullah Hassan dan Aion Mohd bahasa kiasan tergolong kepada dua jenis iaitu peribahasa dan bukan peribahasa. Peribahasa ialah kiasan yang sudah mantap dari segi bentuk bahasanya dan maknanya. Bukan peribahasa pula ialah kiasan yang tidak mantap bentuknya dan maknanya. Dalam bahasa Melayu bentuk-bentuk bahasa kiasan dapat diklafikasikan seperti berikut:



Rajah 1 : Bentuk-bentuk Bahasa Kiasan Mengikut Abdullah Hassan & Ainon Mohd (2004)

Kesimpulannya, peribahasa merupakan khazanah warisan sesuatu bangsa yang diwarisi sejak daripada bangsa itu mempunyai tamadun. Peribahasa Melayu merupakan rangkai kata atau frasa yang mengandungi kata-kata yang indah dan sedap didengar. Disebabkan bait-bait kata yang indah dan sedap didengar, maka peribahasa mudah diperturunkan dan diwarisi sehinggalah ke hari ini. Ditambah lagi peribahasa mengandungi nilai murni yang tersurat dan tersirat dan boleh dijadikan pengajaran dan panduan dalam kehidupan seharian.

Pendekatan Pragmatik

Menurut Nur Hashimah Jalaluddin (1992), ilmu pragmatik penting kerana seseorang dapat menginterpretasi tujuan sebenar yang ingin disampaikan oleh si penutur terhadap percakapan yang disampaikan. Ilmu ini juga penting bagi mencari makna tersirat di sebalik yang tersurat bagi sesuatu ujaran. Menurutny lagi, ilmu pragmatik mampu membantu menginterpretasi makna yang terdapat dalam sesuatu ujaran disampaikan secara implisit untuk sesuatu ujaran yang eksplisit. Segala yang tersirat tidak dapat dihuraikan oleh ilmu semantik tetapi dapat dihuraikan oleh ilmu pragmatik. Hal ini disokong oleh Hashim Musa dan Ong Chin Guan (1998), melalui ilmu pragmatik dapat menentukan makna sebenar daripada sebuah ujaran yang tersurat. Ilmu pragmatik meliputi pengetahuan dunia si penutur dan si pendengar. Maka, untuk mendapatkan maksud sebenar si penutur, maklumat tambahan perlu diberikan. (Nur Hashimah Jalaluddin, 1992). Maka, bagi membolehkan pengarang menyampaikan maksud sebenar, maklumat tambahan perlu diberi iaitu memasukkan peribahasa dalam novel seterusnya memudahkan pembaca menginterpretasi nilai murni yang terkandung dalam peribahasa yang digarap dalam novel. Pengarang sesebuah novel akan menggunakan apa-apa sahaja strategi untuk menimbulkan kesan tertentu itu dalam novel yang dihasilkannya. Salah satu strategi pragmatik yang digunakan oleh pengarang adalah menyelitkan peribahasa bagi menegaskan sesuatu yang ingin disampaikan. Dengan menggarap peribahasa dalam novel, pengarang berharap makna yang terkandung secara impilisit yang cuba dibawahnya

memberi kesan yang mendalam dalam fikiran pembacanya. Hal ini disokong oleh Asmah Hj Omar (2015), pragmatik membawa maksud menimbulkan kesan seperti yang dikehendaki dalam penggunaan bahasa. Jadi, dalam kajian ini akan mengupas kaedah pengarang memanfaatkan strategi ilmu pragmatik dalam mewarnai novel yang dihasilkan oleh mereka.

Pernyataan Masalah

Masyarakat Melayu memaparkan nilai yang dipegang oleh mereka melalui peribahasa Melayu. Peribahasa Melayu mestilah difahami, dihayati dan ditaakuli oleh generasi hari ini supaya dapat membentuk akhlak yang mulia dan terpuji seterusnya penggunaan peribahasa Melayu dapat dikekalkan sampai bila-bila. Pembentukan akhlak terpuji diri seseorang boleh dipupuk melalui penghayatan maksud sesuatu peribahasa. Namun, pada hakikatnya, ada dalam kalangan murid yang masih tidak dapat mempraktikkan nilai murni yang terdapat dalam peribahasa kerana tidak dapat menghayati nilai murni yang terdapat dalam peribahasa. Abd Rahim Abd Rashid (1993) berpendapat bahawa, keruntuhan moral serta krisis nilai yang dihadapi oleh generasi sekarang adalah disebabkan oleh kurangnya teladan yang baik boleh dijadikan asas pedoman untuk memilih jalan dan gaya hidup ke arah kesempurnaan, berhemah, dan bermoral tinggi. Oleh sebab peribahasa Melayu mengandungi pelbagai teladan dan pengajaran yang tinggi nilainya, maka kajian ini dilakukan supaya masyarakat sedar betapa pentingnya nilai-nilai murni perlu diamalkan dalam kehidupan seharian terutamanya dalam kalangan murid sekolah supaya dapat melahirkan murid yang berakhlak mulia dan terpuji. Justeru, dengan kajian yang dijalankan nanti, akan membantu murid lebih bersantun dalam berinteraksi antara satu sama lain apabila nilai murni yang didokong dalam peribahasa digarap dalam novel dapat dipraktikkan dalam kehidupan seharian. Perkembangan emosi dan sahsiah seseorang murid bergantung pada penerapan nilai-nilai yang sihat dan dapat mendorong pembinaan tingkah laku yang baik serta membentuk seseorang menjadi lebih progresif dan membentuk murid menjadi insan yang lebih sempurna (Abd Rahim Abd. Rashid, 1993). Hal ini sejajar dengan FPK yang mahu melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran dalam kalangan masyarakat.

Selain, peribahasa kini semakin jarang digunakan berikutan arus pemodenan yang pesat membangun. Ada segelintir masyarakat telah mencemarkan keaslian peribahasa Melayu dengan mencipta peribahasa-peribahasa moden yang banyak menggunakan bahasa rojak. Hal ini sejajar dengan pendapat dikemukakan oleh Amira Razlan (2010), yang menyatakan masyarakat hari ini menganggap peribahasa digunakan dalam situasi yang tertentu sahaja seperti upacara adat istiadat dan tidak mempunyai kepentingan lain. Malah golongan murid mula meragui kekuatan maksud yang terkandung dalam sesebuah peribahasa. Perkara ini mungkin disebabkan sebahagian masyarakat dunia lebih cenderung berkomunikasi secara berterus terang dan tidak mengamalkan kesantunan bahasa kerana mereka percaya bahawa sikap terus terang ini akan memudahkan interaksi dan penyampaiannya akan menjadi lebih mudah (Norazlina Hj. Mohd Kiram, 2010). Implikasinya, peribahasa

masih dipinggirkan oleh generasi muda hari ini dan mereka masih kurang memahami, menghayati dan menaakul maksud di sebalik sesuatu peribahasa.

Generasi hari ini masih kurang diterapkan nilai dalam diri mereka. Maka, antara institusi penting yang menjadi platform untuk memupuk nilai murni ini adalah melalui sekolah. Sekolah memiliki posisi yang strategik dalam kalangan masyarakat dan keupayaan sekolah dapat menjadi titik pusat dan usaha awal dalam membendung krisis dalam masyarakat secara menyeluruh. Hubungan remaja dengan sekolah amatlah penting bagi membina keperibadian remaja yang unggul kerana masa yang diperuntukkan semasa di sekolah sama dengan masa mereka di rumah, Arieff Salleh Rosman dan Wardah Mokhtar (2003). Selain itu, pengajaran dan pembelajaran peribahasa guru Bahasa Melayu masih di tahap yang membimbangkan. Hal ini disokong oleh Hasmidar Hassan dan Jafizah Jaafar (2016), yang menyatakan bahawa ketiadaan pengetahuan dan kefahaman menyebabkan kebanyakan pelajar pendidikan guru tidak dapat memahami dan menghayati maksud tersirat peribahasa dengan betul. Salah satu sebabnya ialah pelajar pendidikan guru tidak mengamalkan dalam kehidupan seharian serta tidak mengetahui cara menerangkan maksudnya walaupun memahami peribahasa itu. Mereka juga berpendapat, pemahaman maksud peribahasa dalam kalangan pelajar pendidikan guru adalah rendah kerana mereka tidak mampu memahami makna yang ingin disampaikan dalam sesuatu peribahasa. Sepatutnya sebagai bakal guru matapelajaran Bahasa Melayu, mereka perlu mempersiapkan diri untuk mengajar peribahasa.

Di samping itu, kajian ini dijalankan kerana belum ada kajian tentang peribahasa yang terkandung dalam lima buah novel KOMSAS, menginterpretasi nilai murni yang terdapat peribahasa dalam kelima-lima buah novel dan merumus kesesuaian nilai murni yang terdapat dalam FPK. Terdapat pengkajian telah dilakukan bagi novel KOMSAS tetapi skop pengkajian hanyalah kepada sebuah novel sahaja seperti kajian yang dijalankan oleh Noraslan Norasim (2010), yang mengkaji nilai murni KBSM dalam novel KOMSAS peringkat menengah rendah. Fokus utama kajian ini adalah untuk membuktikan novel Kapten Hassan Wira Bangsa (KHWB) yang dipilih sama ada benar-benar menepati kurikulum nilai murni KBSM atau sebaliknya.

Seterusnya, kajian teks KOMSAS iaitu novel Bukit Kepong telah dikaji oleh Mohd Pauzi Ab Raof (2011). Kajian berfokus kepada mengkaji peristiwa Bukit Kepong dalam novel Bukit Kepong dan filem Bukit Kepong berdasarkan pendekatan historisisme baru. Kajian ini membuat perbandingan antara novel dengan filem Bukit Kepong dengan pendekatan sejarah era baharu. Selain itu, Sara Beden (2016), telah mengkaji sebuah novel KOMSAS tingkatan empat Zon 4 iaitu Johor, Sabah, Sarawak, dan Wilayah Persekutuan Labuan. Tajuk novel ialah novel Melunas Rindu. Kajian ini dijalankan bagi menganalisis kesopanan berbahasa yang terdapat dalam novel tersebut dan berfokus kepada menganalisis pola kesopanan berbahasa, mengklasifikasikan pola kesopanan berbahasa serta memetakan struktur peristiwa bahasa dalam novel yang dikaji.

Terdapat kajian novel KOMSAS secara menyeluruh iaitu mengkaji 20 buah novel KOMSAS yang dikaji oleh semua zon di Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak oleh Mardiah Haji Alias (2005). Kajian ini pula berfokus mendapatkan maklumat dan rumusan tentang unsur-unsur yang membentuk struktur penceritaan novel-novel KOMSAS dan menemukan kesesuaiannya dengan kurikulum yang didasari oleh Pusat Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia. Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2005). Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi telah mengkaji 20 buah novel yang dikaji oleh kelima-lima zon dengan menggunakan pendekatan psikologi dan etika. Kajian ini tertumpu kepada mengalisis pemikiran yang ingin disampaikan oleh pengarang dan teknik penceritaan yang pelbagai bagi mengindahkan lagi jalan cerita. Kesimpulannya, semua novel yang dinyatakan di atas ialah novel KOMSAS yang dikaji di sekolah menengah. Kesemua kajian yang telah dijalankan memperlihatkan tiada satu pun tertumpu kepada penginterpertasian peribahasa yang terdapat dalam novel dan membuat hubung kait kesesuaian penggunaan peribahasa dalam novel dengan nilai murni yang ingin digarap oleh pengarang.

Berdasarkan permasalahan-permasalahan yang diulaskan di atas, penyelidik mendapati bahawa masih ada ruang untuk penyelidik menjalankan penyelidikan bagi menginterpretasikan nilai dalam peribahasa yang terdapat dalam novel dan membuat hubung kait kesesuaian penggunaan peribahasa dalam novel dengan nilai murni yang ingin digarap oleh pengarang. Dengan menjalankan penyelidikan ini akan dapat menambah input kepada kajian-kajian lain yang berkaitan dengan peribahasa dan boleh membantu guru dan murid dalam memahami, menghayati dan menaakul maksud peribahasa Melayu dengan lebih mudah lagi.

Objektif Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji menggariskan tiga objektif khusus, iaitu:

1. mengenal pasti peribahasa Melayu yang memancarkan nilai murni dalam novel-novel pilihan.
2. menginterpretasi nilai murni dalam peribahasa menggunakan teori Relevans.
3. merumus kesesuaian penggunaan peribahasa dalam memupuk nilai murni dalam kalangan murid sekolah.

Persoalan yang perlu di jawab dalam kajian ini ialah :

1. adakah peribahasa dalam novel-novel pilihan terkandung nilai murni?
2. sejauh manakah teori Relevans mampu menginterpretasi nilai murni yang terdapat dalam peribahasa?
3. sejauh manakah kesesuaian penggunaan peribahasa dalam memupuk nilai murni dalam kalangan murid sekolah?

Keperluan Kajian

Peribahasa merupakan sebahagian daripada gambaran budaya yang dimiliki oleh masyarakat Melayu dan perlu diluaskan penggunaannya. Selain dapat memperindah bahasa, memperhalus tutur kata, peribahasa juga dapat memperkaya perbendaharaan atau kosa kata bahasa Melayu. Kajian ini penting dijalankan kerana dalam peribahasa terdapat pelbagai maklumat mengenai kehidupan bermasyarakat dan norma-norma yang berlaku dalam masyarakat penuturnya. Oleh sebab itu, perlu ditingkatkan penelitian, pengkajian, dan pengembangan peribahasa melalui pelbagai media seperti novel agar penggunaannya tidak hilang di telan zaman. Menurut Utari et al. (2014), salah satu saluran untuk memperluas penggunaan peribahasa yang paling hampir dengan murid ialah novel. Hal ini demikian kerana, novel merupakan cerminan kehidupan dalam bermasyarakat, memaparkan unsur penceritaan yang paling lengkap, mengandungi media yang paling luas, dan memaparkan dan mendedahkan masalah-masalah kemasyarakatan yang paling luas. Penelitian peribahasa dalam novel dapat mengetahui sejauh mana keberkesanan penggunaan peribahasa yang digunakan oleh pengarang. Pengolahan cerita dalam novel, diterapkan dengan peribahasa yang sesuai agar dapat memudahkan pemahaman pembaca tentang perkara yang ingin disampaikan oleh pengarang.

Kajian ini juga diharapkan dapat membantu pembaca terutamanya murid-murid sekolah menengah agar dapat menginterpretasi nilai yang terdapat dalam peribahasa yang digarap dalam novel memandangkan novel-novel tersebut telah dijadikan bacaan wajib di sekolah-sekolah menengah Zon Tengah. Selain itu, pembaca dan murid akan dapat maklumat serta memahami nilai murni yang cuba disampaikan dan seterusnya dapat menghayati dan menaakul nilai-nilai murni yang terdapat dalam karya tersebut. Usaha kita ingin melahirkan generasi yang bijak pandai dalam bidang akademik, namun tiada gunanya jika mereka tandus nilai moral dalam diri. Hal ini disokong oleh Abd. Rahim Abd. Rashid (1993) mengatakan bahawa, generasi muda berpelajaran masih belum dapat dikatakan sebagai generasi terdidik jika golongan ini begitu jahil dalam membaiki diri sendiri, tidak mempunyai pendirian, mudah terpengaruh, tidak mampu membuat pertimbangan yang rasional agar dapat menjauhkan diri daripada sifat, perangai serta tingkah laku yang keji dan tidak bermoral. Jadi, kepentingan kajian ini ialah nilai-nilai murni yang terpancar terdapat dalam novel secara tidak langsung dapat dimanfaatkan untuk membentuk murid yang seimbang dari segi rohani, intelek, jasmani dan emosi selaras dengan FPK. Nilai-nilai tersebut dapat merangsang minda pelajar untuk berfikir secara kreatif dan kritis dalam mendepani cabaran masa ini. Selain itu juga, pelajar dapat mengenal, menghayati dan menghargai karya sastera bersesuaian dengan objektif pembelajaran KOMSAS dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah menengah.

Di samping itu, pentingnya kajian ini harus dijalankan kerana kajian ini akan menjadi medium atau platform untuk mendidik generasi muda untuk memahami, menghayati dan mempraktikkan nilai murni yang terdapat dalam sesuatu peribahasa Melayu dalam kehidupan mereka. Guru mata pelajaran Bahasa Melayu tidak terkecuali dalam memupuk nilai murni dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan tidak boleh mengabaikannya kerana penyerapan dan pemupukan nilai murni tidak

diperuntukkan waktu yang khas (Zamri Mahamod dan Norlela Abdullah, 2008). Melalui penginterpretasian nilai murni dalam peribahasa akan dapat melahirkan generasi yang tinggi akhlak dan elok budi pekertinya. Menurut Jasman Bandar (2016), peribahasa akan terus menjadi panduan, pendidikan, pengajaran, serta landasan kepada seseorang itu untuk mendapatkan kehidupan yang lebih baik. Hal ini menjadikan peribahasa Melayu begitu unik dan kuat dengan nilai-nilai yang tidak luput meskipun masa dan zaman telah berubah. Perkara ini disokong oleh Zaitul Azma Zainon Hamdan dan Ahmad Fuad Mat Hassan (2011), peranan peribahasa adalah sebagai saluran untuk menterjemah nilai-nilai kebudayaan dalam kehidupan bermasyarakat, kepercayaan dalam beragama, perihal pemimpin dan kepimpinan dalam politik dan sebagainya yang menunjangi pemikiran dan landasan kepada perbuatan atau tingkah laku bangsa Melayu.

Selain itu, kajian ini dijalankan demi memperbanyak lagi kajian dalam bidang peribahasa, terutamanya yang berpusat kepada nilai murni yang terkandung dalam sesuatu peribahasa. Kajian ini penting kerana merupakan kajian yang berkait secara lansung dengan teks yang dikaji oleh murid-murid di sekolah, sama ada menengah rendah dan menengah atas iaitu teks novel. Supyan, Ding Choo Ming, Afendi & Arba'ayah (2004) dlm. Mohd Mahzan Awang et al. (2014), berpendapat sejauh mana kehebatan peribahasa digunakan dalam pembelajaran formal bahasa Melayu masih menjadi persoalan dan kurang diterokai dalam kajian pendidikan bahasa. Malah, keupayaan guru dan murid untuk menggunakan peribahasa yang sesuai bagi tujuan pembelajaran pelbagai aspek kehidupan masih menjadi isu utama. Hal ini kerana, terdapat banyak peribahasa Melayu yang memerlukan tafsiran makna secara tepat. Maka, melalui kajian yang dijalankan akan memberi ruang dan peluang kepada murid serta guru untuk menginterpretasi maksud peribahasa dengan lebih mudah dan tepat dari sudut nilai murni yang ingin disampaikan. Kajian ini diharapkan akan menjadi rujukan tambahan guru-guru yang mengajar di sekolah dan juga dapat dijadikan rujukan tambahan oleh mana-mana pengkaji yang ingin mendapatkan sumber kajian yang berkait dengan peribahasa dan nilai yang terkandung dalam peribahasa tersebut. Kesimpulannya, kajian ini amat memberi manfaat kerana peribahasa yang dikenal pasti akan dikupas maksudnya tersirat berdasarkan petikan dalam novel, seterusnya dianalisis pula nilai yang terkandung dalam peribahasa yang boleh diamalkan oleh murid dalam kehidupan seharian mereka.

Batasan Kajian

Pengkaji memilih lima buah novel untuk dijadikan bahan kajian, iaitu novel *Destinasi Impian* (Mohd Ismail Sarbini, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015) novel *Meniti Impian* (Osman Ayub, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2016) novel *Tawanan Komander Caucasus* (Ruzaini Yahya, Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, 2016), novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* (Abdul Latif bin Talib terbitan Mika Cemerlang Sdn. Bhd. 2014) dan novel *Tirani* (Beb Sabariah, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015). Tempoh masa kajian ini dijalankan adalah daripada bulan Mac 2017 sehinggalah Mei 2018. Data dikumpulkan dengan cara pengkaji membuat bacaan rapi terhadap kelima-lima buah novel dan mengenal pasti nilai murni yang terdapat dalam peribahasa di dalam novel tersebut. Seterusnya, menginterpretasi nilai murni

yang terdapat dalam peribahasa menggunakan teori Relevans dan merumus kesesuaian penggunaan peribahasa dalam memupuk nilai murni dalam kalangan murid sekolah. Kajian ini akan menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis teks. Dapatan kajian akan dipersembahkan secara kualitatif dan kuantitatif. Novel-novel ini dipilih kerana dijadikan bahan kajian wajib murid sekolah menengah dari tingkatan satu sehingga tingkatan lima. Novel-novel ini telah melalui prosedur pemilihan oleh jawatankuasa pemilihan yang dilantik Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) dan dipersetujui diterima sebagai teks KOMSAS kerana dikatakan banyak dengan nilai murni yang boleh diamalkan oleh murid-murid dalam kehidupan seharian mereka.

Definisi Operasional

Interpretasi

Interpretasi bermaksud mengupas maksud tersurat dan tersirat peribahasa berdasarkan petikan dalam novel serta menganalisis nilai murni yang terdapat dalam sesuatu peribahasa dalam novel-novel pilihan. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat interpretasi bermaksud tafsiran atau penjelasan tentang makna dan tujuan.

Peribahasa Melayu

Peribahasa merupakan khazanah warisan bangsa Melayu yang diwarisi sejak daripada bangsa Melayu itu mempunyai tamadun. Peribahasa Melayu merupakan rangkai kata atau frasa yang mengandungi kata-kata yang indah dan sedap didengar. Peribahasa Melayu mengandungi nilai murni yang tersurat dan tersirat dan boleh dijadikan pengajaran dan panduan dalam kehidupan seharian. Menurut Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan (2011), kesejagatan nilai dalam peribahasa menjadi bahan bukti sememangnya masyarakat Melayu mampu mencipta keindahan bagi tujuan mendidik masyarakatnya. Pendidikan dalam sesebuah masyarakat disampaikan dengan menyusun kata-kata yang indah dan kreatif secara holistik untuk menyampaikan pengajaran, peringatan dan teladan.

Novel

Novel ialah cerita yang dikarang dalam bentuk prosa yang mudah difahami. Kebiasaannya olahan cerita novel panjang dan kompleks. Penceritaan dalam novel berkaitan dengan pengalaman manusia dan kelakuan dalam sesebuah kelompok masyarakat. Rahman Shaari (2001), berpandapat novel ialah karya fiksyen yang panjang. Di dalamnya terdapat unsur fiksyen, konflik, kemuncak dan peleraian. Novel merupakan cerita panjang yang ditulis dalam bentuk prosa.

Nilai murni

Nilai murni ialah sifat yang baik, beradab dan tatasusila manusia dalam hubungannya dengan manusia lain, hubungan dengan alam dan hubungan dengan tuhan. Nilai meliputi kepercayaan dan tingkah laku yang dapat membentuk keperibadian individu. Nilai murni dalam kajian ini berlandaskan 16 nilai murni yang terkandung dalam FPK. Wan Mohd Zaki (1988) mentakrifkan nilai adalah perlakuan yang baik dan hubungan sesama manusia, alam dan tuhan secara beradab dan bertatasusila. Nilai ini diasaskan kepada agama untuk membentuk kehidupan penganutnya supaya menjadi lebih baik dan berakhlak mulia.



BIBLIOGRAFI

- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (2004). *Kamus Peribahasa Kontemporari*. Bentong: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Abd. Rahim Abd. Rashid. (1993). *KBSM Pendidikan Nilai Merentasi Kurikulum*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Latip Talib (2014). *Leftenan Adnan Wira Bangsa*. Selangor: Mika Cemerlang Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan. (2005). *Lingusitik Am Siri Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Bentong: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Aboebakar Atjeh. (1988). *Akhlak Dalam Islam: Filsafat dan Pendidikan Budi Pekerti Menurut Ajaran Al- Quran daan Hadis*. Kota Bahru Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn Bhd.
- Ahmad Fuad Mat Hassan & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2010). *Pengkategorian Peribahasa Melayu Berdasarkan Aspek Nilai dan Pemikiran: Satu analisis Pragmatik*. Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Amira Razlan. (2013). *Perbandingan Pentafsiran Leksikal Haiwan dalam Peribahasa Melayu, dengan Peribahasa Cina dan Tamil*. Tesis Master Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Amirah Ahmad dan Nor Hashimah Jalaluddin. (2013). Implikatur dalam Kes Pembunuhan Noritta: Analisis Teori Relevans. *Jurnal Dewan Bahasa dan Pustaka*: hlmn 20.
- Arieff Salleh Rosman & Wardah Mokhtar. (2003). *Membentuk Jati Diri Remaja*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdb Bhd.
- Asmah Haji Omar. (2015). *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azizi Yahaya et. al. (2015). *Penyelewengan Tingkah Laku Remaja, Punca dan Rawatan*. Selangor: Percetakan Impian Sdn Bhd.
- Azmi Ayub. (2000). *Bentuk-bentuk Ayat Tanya Dalam Novel Bukit Kepong*. Kertas Projek Peringkat Sarjana, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi: Universiti Putra Malaysia.
- Beb Sabariah. (2015). *Tirani*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chew Fong Peng. (2010). Penerapan Nilai-Nilai Murni Menerusi KOMSAS dalam Sistem Pendidikan Malaysia. *Jurnal Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan, SOSIOHUMANIKA*, 3(1).

- Dan Sperber & Deirde Wilson (1999). *Relevans Komunikasi & Kognisi (penterjemah Nor Hashimah Jalaluddin)*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Goh Sang Seong. (2016). *Isu-isu Terjemah Karya Sastera*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Hashim Musa & Ong Chin Guan. (1998). *Pengantar Ilmu Makna*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasmidar Hassan dan Jafizah Jaafar. (2016). Penginterpretasian Peribahasa dan Hubungan dengan Kemahiran Berfikir: Analisis Berdasarkan Teori Relevans. *Jurnal Dewan Bahasa dan Pustaka*, hlmn 94-119.
- Institut Tadbiran Awam (INTAN) Malaysia. (1992). *Tonggak Dua Belas, Peneraian Nilai, Norma dan Etika Perkhidmatan*. Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam (INTAN) Malaysia.
- Institut Tadbiran Awam (INTAN) Malaysia. (2003). *Citra Karya: Falsafah, Nilai dan Etika dalam Perkhidmatan Awam*. Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam (INTAN) Malaysia.
- Jasman Bandar. (2016). *Persepsi Rezeki dalam Peribahasa Melayu*. Pelita Bahasa, Oktober 2016, hlmn 42-44.
- Jumali Selamat. (2001). *Cerminan Sosial dan Nilai Murni dalam Novel-Novel Remaja*. Tesis Doktor Falsafah. Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Kamariah Kamarudin. (2017). *Novel Melayu dalam Pelbagai Perspektif*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1990). *Pukal Latihan KBSM. Falsafah Pendidikan Negara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- M.Z. Azmie. (2001). *Sabar dan Syukur daripada Perspektif Pengurusan Organisasi*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Mardiah Haji Alias. (2005). Kesesuaian Novel Komponen Sastera Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu. *Tesis Doktor Falsafah*. Universiti Putra Malaysia.
- Mohamad Khairi Haji Othman. (2014). Hubungan Penerapan Nilai Murni dalam Pengajaran Bahasa Melayu dengan Penghayatan Nilai Murni Pelajar. *Jurnal of Human Development and Communication Volume 3*, hlmn 81-92.
- Mohd Mahzan Awang et al. (2015). Mesej Perpaduan dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan 5: Analisis Terhadap Peribahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu.*, hlmn 44-52

- Mohd Pauzi Ab Raof. (2011). Peristiwa Bukit Kepong Dalam Novel Bukit Kepong dan filem Bukit Kepong Berdasarkan Pendekatan Historisisme Baru. *Tesis Sarjana*. Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Riffin Md Jali. (2002). Sosiologi Peribahasa Melayu. *Tesis Sarjana*. Universiti Putra Malaysia.
- Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. (2005). Pemikiran dan Teknik Penceritaan Dalam Novel Komponen Sastera dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu. *Tesis Doktor Falsafah*: Universiti Putra Malaysia.
- Nik Safiah Karim dan Abdul Hamid Mahmood. (2007). *Kesantunan Bahasa dalam Konteks masyarakat Malaysia Kini; Penyerapan Nilai Murni dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Persatuan Lingistik Malaysia.
- Noor Aina Dani. (2007). *Kaedah Penyelidikan dalam Bahasa Melayu*. Serdang: Pusat Pendidikan Luar, Universiti Putra Malaysia.
- Nor Hasimah Jalaluddin dan Junaini Kasdan. (2010). Remaja dan Peribahasa Melayu. *Jurnal Linguistik*: hlmn 158 – 172.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2001), Semantik, Pragmatik dan Lesikografi, *Jurnal Dewan Bahasa dan Pustaka*: hlmn 398-416.
- Noraini Idris. (2013). *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill.
- Noraini Shahida Ishak dan M Mascitah Mansor. (2011). Peribahasa: Gambaran Minda Melayu dalam Penciptaan Iklan. Divisyen Bahasa Melayu, CELPAD, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Noraslan Norasim. (2010). Tinjauan Nilai Murni KBSM dalam Novel Komsas Peringkat Menengah Rendah. *Tesis Peringkat Sarjana*: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Norazlina Hj. Mohd Kiram. *Kesantunan Berbahasa Cerminan Peribadi Mulia*. Dewan Bahasa, Februari 2010. hlmn 61.
- Osman Ayob. (2016). *Meniti Impian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahman Shaari. (2001). *Bimbingan Istilah Sastera*. Kuala Lumpur: Utusan Publication
- Robiah K. Hamzah. (2011). *Nilai Murni dalam Pengajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rohana Isahak. (2013). Pemikiran Dalam Puisi Melayu Teks KOMSAS Dari sudut Teori SBP4L. *Tesis Peringkat Sarjana*.Serdang: Universiti Putra Malaysia.

- Ruzaini Yahya. (2016). *Tawanan Komander Caucasus*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Sapinah Haji Said. (2004). *Kamus Peribahasa Melayu*. Johor Bahru: Pelangi Sdn.Bhd.
- Sara Beden, Inderawati Zahid (2015). Analisis Kesopanan Berbahasa dalam Novel Melunas Rindu: Aplikasi Maksim Leech dan Grice. *Jurnal Bahasa Jilid 5 Bil. 1* hlmn 143-172.
- Sara Beden. (2016). Analisis Kesopanan Berbahasa dalam Novel Melunas Rindu. *Tesis Doktor Falsafah: Akademi Pengajian Melayu,Universiti Malaya*.
- Siti Norain Mazuki. (2013). Nilai Insaniah dalam Novel Terpilih Sri Rahayu. *Tesis Peringkat Sarjana*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Stephen R. Covey. (2005). *Utamakan yang Utama*. Petaling Jaya: Pearson Malaysia Sdn Bhd.
- Tenas Effendy. (2006). *Tunjuk Ajar Melayu*. Yogyakarta: Penerbit Adicita.
- Utari, Christanto Syam & Henny Sanulita. (2014). *Nilai Pendidikan Karakter dalam Peribahasa pada Novel Sengsara Membawa Nikmat Karya Tulis Sutan Tati: Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan Universitas Tanjungpura, Pontianak*.
- Wan Mohd Zaki (1988). *Aspirasi dan Sikap Nelayan Terhadap Pelajaran Anak-Anak Mereka di Mukim Kuala Besut, Besut, Terengganu*. Serdang: Universiti Pertanian Malaysia.
- Za'ba. (1965). *Ilmu Mengarang Melayu (Edisi Ejaan Rumi Baharu)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Madon & Mohd. Sharani Ahmad. (2004). *Panduan Mengurus Remaja Moden*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan. (2011). *Peribahasa Melayu: Penelitian Makna dan Nilai*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Zamri Mahamod, Mahidin Awang Itam, Afendi Hamat. (2011). Sikap Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah Terhadap Penggunaan Buku Teks Bahasa Melayu: *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, November, hlmn 17-30.
- Zuhana Amatol Akrma Hapipi. (2014). Nilai Murni dalam Iklan Televisyen: Satu Tinjauan Berdasarkan Teori Relevans. *Tesis Peringkat Sarjana: Universiti Pendidikan Sultan Idris*

BIODATA PELAJAR

Haslindar Nor bt Ismail memegang Ijazah Sarjana Muda Sastera (BA Hons), Universiti Putra Malaysia pada tahun 1999. Melanjutkan pelajaran di Universiti Kebangsaan Malaysia peringkat Diploma Pendidikan pada tahun 2001. Berpengalaman menjadi guru sekolah selama 15 tahun di SM Teknik Kuala Lumpur dan SMK Seri Bintang Selatan. Pernah menjadi Guru Cemerlang Bahasa Melayu selama 7 tahun dan pernah menjadi panel Pembina modul SPM peringkat negeri dan juga zon. Pengkaji pernah mendapat Anugerah Gangsa semasa pertandingan inovasi *International Exposition Research & Innovation* di Universiti Pendidikan Sultan Idris (2013). Selain itu, pengkaji pernah meraih Anugerah Gangsa semasa Pertandingan Inovasi Kolej Vokasional dan Sekolah Teknik Kategori Inovasi Guru Peringkat Kebangsaan (2014) di Pahang. Ketika ini sedang mengikuti pengajian peringkat Sarjana Bahasa Melayu di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi di Universiti Pendidikan Malaysia. (Di bawah Tajaan Bahagian Tajaan Pendidikan Malaysia).



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

PENGESAHAN STATUS UNTUK TESIS/LAPORAN PROJEK DAN HAKCIPTA

SESI AKADEMIK : _____

TAJUK TESIS/LAPORAN PROJEK :

INTERPRETASI NILAI MURNI BERDASARKAN PERIBAHASA MELAYU DALAM NOVEL-
NOVEL PILIHAN

NAMA PELAJAR : HASLINDAR NOR BINTI ISMAIL

Saya mengaku bahawa hakcipta dan harta intelek tesis/laporan projek ini adalah milik Universiti Putra Malaysia dan bersetuju disimpan di Perpustakaan UPM dengan syarat-syarat berikut :

1. Tesis/laporan projek adalah hak milik Universiti Putra Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan akademik sahaja.
3. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia dibenarkan untuk membuat salinan tesis/laporan projek ini sebagai bahan pertukaran Institusi Pengajian Tinggi.

Tesis/laporan projek ini diklasifikasi sebagai :

*sila tandakan (v)

SULIT

(mengandungi maklumat di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

(mengandungi maklumat yang dihadkan edaran kepada umum oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan telah dijalankan)

AKSES TERBUKA

Saya bersetuju tesis/laporan projek ini dibenarkan diakses oleh umum dalam bentuk bercetak atau atas talian.

Tesis ini akan dibuat permohonan :

PATEN

Embargo _____ hingga _____
(tarikh) (tarikh)

Pengesahan oleh:

(Tandatangan Pelajar)
No Kad Pengenalan / No Pasport.:

Tarikh :

(Tandatangan Pengerusi JawatankuasaPenyeliaan)
Nama:

Tarikh :

[Nota : Sekiranya tesis/laporan projek ini SULIT atau TERHAD, sila sertakan surat dari organisasi/institusi tersebut yang dinyatakan tempoh masa dan sebab bahan adalah sulit atau terhad.]